

MEMBINA NEGARA BANGSA SATU PERKONGSIAN PENGALAMAN

Oleh:
Abdul Hanid bin Halit, Ph.D.

Artikel ini membincangkan pelaksanaan aktiviti membina negara bangsa di peringkat unit di Pejabat Pelajaran Daerah. Membina negara bangsa amat penting bagi sesebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Untuk menghadapi era globalisasi Kementerian Pelajaran Malaysia telah merangka sebuah pelan induk yang dinamakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010. Dalam perbincangan ini, fokus utama ditumpukan kepada pelaksanaan aktiviti untuk mencapai wawasan membina negara bangsa melalui perkongsian nilai dan semangat patriotisme untuk dipraktikkan pendekatannya di dalam alam pendidikan dan dalam kehidupan seharian masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Misi ini boleh dilaksanakan melalui sistem pendidikan dan melalui kesedaran masyarakat seluruhnya. Memimpin organisasi pendidikan merupakan satu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada organisasi pendidikan seperti di Pejabat Pelajaran Daerah. Tindakan yang dilaksanakan untuk memenuhi tanggungjawab ini merangkumi penubuhan jawatankuasa induk pelaksanaan program, perubahan sikap anggota organisasi, pendekatan yang digunakan untuk mencapai wawasan, membuat perancangan strategi, melaksanakan perancangan strategik, pemantauan dan penilaian serta pelaporan hasil program yang dicapai.

PENGENALAN

Sistem pendidikan di negara kita bukan sahaja perlu memenuhi tuntutan zaman malah harus mempunyai keupayaan untuk menghadapi cabaran masa depan. Untuk menghadapi cabaran ini Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggubal sebuah pelan induk yang dinamakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010. Pelan ini telah dilancarkan pada 16 Januari 2007. Teras Pertama PIPP ialah Membina Negara Bangsa. Teras Pertama ini amat penting bagi sesebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Ia menjadi semakin penting dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja manusia, maklumat, modal tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan.

Membina negara bangsa merupakan perancangan pembangunan pendidikan yang bersepadu, komprehensif, menyeluruh dan tidak tertumpu pada satu jenis organisasi, sekolah, lokasi dan kaum. Untuk mencapai hasrat ini maka fokus ditumpukan kepada perkongsian nilai perpaduan, semangat patriotisme, berbangga dengan identiti nasional, amalan budi bahasa, mencintai dan menghargai seni warisan bangsa, serta memahami inti pati dan kehendak pendekatan Islam Hadhari bagi umat Islam. Semua nilai dan semangat patriotik ini perlu dipraktikkan amalannya dalam kehidupan seharian mereka.

Keupayaan merealisasikan pendekatan perkongsian nilai dan semangat patriotisme akan melonjakkan negara ke status pembangunan modal insan yang cemerlang. Contoh-contoh perkongsian nilai dan semangat patriotisme ialah penguasaan ilmu pengetahuan, model intelektual, budaya dan sikap progresif, pengamalan nilai, etika dan moral yang tinggi seperti yang ditegaskan di dalam Pelan Integriti Nasional (PIN). Banyak negara yang mencapai kemajuan di dunia bukan kerana hasil mahsulnya, contohnya Singapura, Korea dan Jepun. Negara-negara tersebut menjadi negara maju kerana modal insan yang berkualiti, perkongsian nilai dan semangat patriotik yang utuh. Modal insan yang berkualiti adalah diukur daripada kemajuan pendidikan dalam negara.


Pendidikan merupakan asas penting yang boleh menjadi wahana kepada pencapaian matlamat membina negara bangsa Malaysia yang berintegriti, bermoral dan beretika. Malah Falsafah Pendidikan Negara secara jelas menggariskan matlamat untuk membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Teras Satu dalam PIPP jelas membuktikan pelan sokongan kepada hasrat Misi Nasional yang memberi penekanan ke atas pembangunan modal insan 'minda kelas pertama'.

Membina negara bangsa Malaysia mengikut acuan sendiri amat penting dalam menghadapi era globalisasi dan untuk mencapai kemajuan seimbang daripada segi sosial, kerohanian dan kebudayaan.

OBJEKTIF

Objektif perancangan dan pelaksanaan program membina negara bangsa ialah: (i) Melahirkan pekerja yang berkualiti, berintegriti serta budaya kerja minda kelas pertama, (ii) Melahirkan pelajar yang bersedia untuk mempamerkan perkongsian nilai perpaduan, amalan berbudi bahasa, penyayang, mencintai nilai seni dan budaya serta, (iii) Melahirkan warganegara yang bersikap patriotik, bertanggungjawab, jati diri yang kukuh, mempunyai etika kerja yang utuh serta menghormati pemimpin.

Untuk tujuan perbincangan ini, fokus hanya ditumpukan kepada perkongsian nilai dan semangat patriotisme sebagai satu usaha untuk mencapai wawasan membina negara bangsa. Ini adalah kerana perkongsian nilai dan semangat patriotisme amat penting bagi masyarakat yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Kerangka konsep (Rajah 1) menjelaskan bahawa membina negara bangsa bergantung kepada perkaitan perkongsian nilai dan semangat patriotisme. Untuk mencapai wawasan ini perlu kepada perancangan yang jitu dari segi jawatankuasa pelaksanaan, perubahan sikap anggota organisasi, pendekatan yang digunakan, perancangan strategik, pemantauan dan penilaian program, dokumentasi serta pelaporan. Semua perkara ini perlukan tindakan saling menyokong antara organisasi di PPD, anggota organisasi di sekolah dan juga kerjasama masyarakat. Maka semua ini memerlukan pemahaman, penerapan, pengukuhan, tindakan serta komitmen yang tinggi.



Rajah 1. Kerangka Konsep Membina Negara Bangsa

DEFINISI KONSEP

Negara Bangsa bermaksud sesebuah negara seperti Malaysia yang telah mencapai kemerdekaan mutlak, kukuh dan dengan adanya kerajaan, perlembagaan negara, bahasa kebangsaan, nilai budaya serta rakyatnya bersatu atas nama sebuah negara berdaulat (Alimuddin Mohd Dom, 2007). Sementara Berbilang Kaum bermaksud sesebuah negara seperti Malaysia mempunyai komposisi rakyatnya yang pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan kaum-kaum yang lainnya hidup dalam permuafakatan dan toleransi yang kukuh.

Perkongsian Nilai bermaksud kepercayaan yang mendorong seseorang untuk bertindak mengikut pilihan yang berasaskan kepada nilai-nilai utama yang diterima oleh masyarakat. Nilai-nilai yang diterima bersama ialah amalan berbudi bahasa, penyanyang, nilai seni dan budaya keyakinan tinggi, kukuh jati diri, ajaran agama yang teguh dan nilai moral yang dapat hidup sebagai sebuah masyarakat yang penyanyang, demokratik, liberal, bertolak ansur, berfikiran terbuka dan berbudaya saintifik (Institut Tadbiran Negara, 1991).

Semangat Patriotisme merupakan perasaan cintakan tanah air yang mendalam berasaskan kesedaran seseorang terhadap kewarganegaraannya dan kesetiaan teragung sehingga sanggup berkorban nyawa untuk tanah airnya. Semangat patriotisme yang kukuh akan menjadikan seseorang warga negara itu kuat, berani, mempunyai ketahanan mental, emosi dan fizikal dalam membentuk ketahanan nasional untuk menghadapi cabaran mendatang (Zawawi Jahya, 2007). Sementara Keupayaan ialah kesanggupan atau kebolehan untuk mencapai atau melakukan sesuatu (Kamus Dewan, *Edisi Ketiga*). Dalam membina negara bangsa, Kementerian Pelajaran Malaysia telah berkeupayaan merangka perancangan strategik dan melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bagi tempoh lima tahun iaitu dari 2006 hingga 2012.

KEPIMPINAN ORGANISASI

Kepimpinan organisasi untuk mencapai wawasan membina negara bangsa merupakan satu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada satu-satu organisasi pendidikan khususnya di organisasi contohnya di Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Ibrahim Mamat (1993) menyatakan bahawa kepemimpinan yang dapat mewujudkan satu suasana pengurusan dan budaya kerja yang baik boleh menambahkan produktiviti dan cinta negara. Langkah-langkah yang diambil ialah menubuhkan Jawatankuasa Induk Perancangan dan Pelaksanaan Program Membina Negara Bangsa peringkat PPD dan melantik Jawatankuasa

Kecil Perancangan dan Pelaksanaan Program peringkat sekolah, perubahan sikap anggota organisasi, menentukan fokus pendekatan yang akan digunakan, perancangan dan pelaksanaan rancangan strategik, pemantauan dan penilaian program, dokumentasi program dan akhirnya pelaporan hasil yang telah dicapai.

Untuk memantapkan diri sebagai pemimpin organisasi ke arah mencapai hasrat dan wawasan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) khususnya membina negara bangsa, penulis telah menghadiri beberapa program, kursus, bengkel dan mesyuarat berkaitan dengannya. Tujuannya ialah untuk memantapkan pengetahuan, kemahiran dan kelancaran mengurus, mengendalikan, memantau serta menilai pelaksanaan program PIPP.

Menubuhkan Jawatankuasa Program Membina Negara Bangsa

Langkah pertama ialah menubuhkan Jawatankuasa Induk Program Membina Negara Bangsa peringkat PPD. Seterusnya unit-unit yang strategik di PPD dikenalpasti dan diminta menubuhkan Jawatankuasa Kecil Perancangan Strategik. Jawatankuasa ini perlu mengadakan mesyuarat, bengkel dan program untuk memantap perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program membina negara bangsa. Di peringkat sekolah jawatankuasa pelaksanaan program juga dibentuk.

Setelah Jawatankuasa Pelaksana Program Membina Negara Bangsa dibentuk, tindakan seterusnya ialah mengadakan mesyuarat tindakan kerja. Dalam mesyuarat ini perkara yang ditekankan ialah perubahan sikap di kalangan anggota organisasi agar selaras dengan usaha mencapai matlamat wawasan membina negara bangsa. Perubahan dan pembaharuan sikap ini merangkumi personel atau pelaksana program-program di peringkat PPD, pelaksanaan di peringkat sekolah (pengurusan, guru-guru dan pelajar) serta kerjasama daripada agensi-agensi lain.

Semua warga Kementerian Pelajaran perlu menghayati dan mengamalkan sikap yang terbilang bagi memacu keupayaan mereka melaksanakan semua program dan projek yang dirancang dalam PIPP (Hishammudin Hussein, 2008). Di peringkat PPD perkongsian sikap penghayatan matlamat, hasrat dan semangat membina negara bangsa diterapkan kepada pegawai, penyelia dan kakitangan sokongan melalui program dan aktiviti yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Induk Program Membina Negara Bangsa Peringkat PPD. Contoh aktiviti-aktiviti untuk mengukuhkan sikap ialah memasang kain rentang bina negara bangsa, edaran pamflet, surat siaran, ucapan di perhimpunan harian, mesyuarat, taklimat, kursus dan bengkel. Kesan daripada

perubahan dan pembaharuan sikap dalam kalangan anggota organisasi telah memudahkan usaha untuk menerapkan wawasan membina negara bangsa.

Di peringkat sekolah sikap penghayatan matlamat, hasrat dan semangat membina negara bangsa disampaikan dalam perhimpunan mingguan, poster dan pamflet. Malah peranan utama dimainkan oleh guru-guru untuk menerapkan sikap penghayatan matlamat, hasrat dan semangat membina negara bangsa melalui pembelajaran dan pengajaran dalam kelas khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Pendekatan ini dikukuhkan lagi melalui aktiviti kokurikulum seperti aktiviti kelab, persatuan dan badan beruniform. Dengan kata lain, pendekatan ini juga merealisasikan membina negara bangsa merentasi aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Kesannya usaha menerapkan sikap penghayatan matlamat, hasrat dan semangat membina negara bangsa dapat dilaksanakan dengan berkesan.

PENDEKATAN MIKRO KE ARAH MEMBINA NEGARA BANGSA

Pendekatan utama untuk mencapai hasrat wawasan di atas ialah melalui pendekatan perkongsian nilai dan semangat patriotisme. Nilai-nilai yang lain ialah berbangga dengan identiti nasional, mencintai dan menghargai seni warisan bangsa, serta memahami inti pati dan kehendak pendekatan Islam Hadhari. Berikut dibincangkan unsur-unsur perkongsian nilai dan semangat patriotik dalam usaha mencapai wawasan membina negara bangsa, iaitu:

Pendekatan pertama yang perlu diambil berat ialah mengukuhkan perkongsian nilai perpaduan di kalangan anggota organisasi yang mempunyai anggota yang berbilang kaum. Perkongsian nilai ini merupakan aspek utama yang perlu dipupuk dan diperkuatkan di peringkat organisasi PPD, peringkat sekolah dan peringkat pelajar di dalam kelas. Perkongsian nilai perpaduan juga diterapkan melalui satu lambang keseragaman contohnya pada setiap hari Selasa semua pegawai dan kakitangan sokongan di PPD memakai pakaian seragam, sementara setiap hari Khamis semua pegawai dan kakitangan sokongan memakai baju batik. Di bahagian perkhidmatan kaunter pula mengamalkan nilai-nilai mesra pelanggan berasaskan kepada nilai-nilai mengambil berat, memahami, kepercayaan, tegas diri, fikiran positif, sabar, kesediaan mendengar, empati, memberi salam dan bersalaman serta senyum selalu.

Personel atau pelaksana program dan projek di peringkat PPD dan sekolah perlu mengamalkan perkongsian nilai segera dan bersedia mempermudah segala urusan. Contohnya sebarang program, projek atau kerjasama dengan

pihak luar diteliti dan dilaksanakan dengan cepat dan tidak melalui karenah birokrasi. Kesan nilai yang diterapkan ini dapat dilihat melalui soal selidik maklum balas pelanggan. Untuk mengukuhkan perkongsian nilai maka kursus-kursus, taklimat dan surat siaran dalaman yang memberi fokus kepada memahami dan menghayati maksud yang terkandung dalam “Tonggak 12”, iaitu; nilai-nilai menghargai masa, ketekunan membawa kejayaan, keseronokan bekerja, keutamaan kesabaran, ketinggian peribadi, kekuatan sifat baik hati, pengaruh teladan, kewajipan menjalankan tugas, kebijaksanaan berhemah, kemuliaan kesederhanaan, peningkatan bakat dan nikmat mencipta.

Pelaksanaan semua program di peringkat PPD dan sekolah termasuk projek berkaitan bangunan dan perbekalan perlu berpegang teguh kepada nilai amanah dan menolak rasuah iaitu sistem dan prosedur kerja yang telus, kemas, cekap serta berpegang kepada nilai integriti yang tinggi. Untuk mengukuhkan lagi sikap amanah ini beberapa siri taklimat, kursus dan sesi gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan kerajaan telah diadakan. Sasaran kursus dan sesi gerakan pemantapan ini ialah Pegawai dan Penyelia di PPD, Pengetua, Guru Besar, Guru-Guru Penolong Kanan dan Pembantu Tadbir. Antara fokus kursus dan sesi gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan ialah etika kerja, pencegahan rasuah, integriti dalam pengurusan, pengurusan fail, perkhidmatan kaunter pelanggan, amalan budi bahasa, “learning organisation”, minda kelas pertama dan kesihatan mental. Kesan daripada sesi gerakan pemantapan sistem pengurusan akan mewujudkan budaya kerja yang amanah, integriti dan mesra pelanggan sama ada di peringkat PPD mahu pun di peringkat sekolah.

Nilai bekerja dalam satu pasukan digunakan untuk membolehkan pengurus-pengurus yang sama ada bekerja bersama-sama atau yang mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam organisasi bekerjasama dan berkongsi kemahiran serta pengetahuan agar tugas mereka dapat disempurnakan dengan berkesan (T.H. Patten, Jr., 1981). Nilai ini diterapkan melalui kursus dalam perkhidmatan “team-building”, taklimat dan mesyuarat pengurusan dan kakitangan di PPD. Dalam mesyuarat ini diterapkan sikap dan semangat kerjasama dalam pasukan, toleransi dan sikap bertanggungjawab sepenuhnya kepada setiap tugas yang diamanahkan kepadanya.

Untuk mengukuhkan nilai kerja berpasukan ini satu badan yang dikenali Majlis Bersama Jabatan (MBJ) peringkat Daerah ditubuhkan. Majlis ini dianggotai oleh Semua Ketua Unit di PPD, Pengerusi PKPSM, Pengerusi MGB, Pengerusi Persatuan Kakitangan Sokongan Sekolah, wakil KPPK daerah dan ketua masyarakat. Tujuan penubuhan majlis ini untuk melibatkan badan-badan lain untuk memantapkan kerjasama dan pengurusan di PPD.

Majlis ini dijadikan ruang dan peluang untuk membincang dan mengambil tindakan kepada isu-isu yang timbul di peringkat pengurusan di PPD dan sekolah.

Pendekatan kedua ialah menanamkan dan mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan pegawai dan kakitangan sokongan di peringkat PPD. Antara aktiviti yang dilakukan di peringkat PPD ialah perhimpunan bulanan pagi yang agendanya meliputi upacara menaikkan bendera, menyanyikan lagu kebangsaan, ikrar Rukun Negara dan ikrar Integriti Perkhidmatan Awam, menyertai perarakan sambutan ambang merdeka. Mengadakan kursus jurulatih Kadet Remaja Sekolah dan pentauliahan pangkat jurulatih. Kursus seperti ini memberi kesan yang besar kepada semangat jurulatih itu sendiri. Ilmu yang diperolehi daripada kursus tersebut disampaikan kepada pelajar melalui aktiviti badan beruniform.

Di peringkat sekolah pula guru-guru boleh menyemai semangat patriotisme ini melalui mata pelajaran Sejarah, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Moral, Pendidikan Islam dan lawatan ke tempat-tempat bersejarah seperti Melaka, Pasir Salak di Perak, Batu Bersurat di Terengganu. Melukis poster-poster patriotik di dinding sekolah dan menjemput penceramah-penceramah luar yang boleh membangkitkan semangat cinta kepada negara. Malah pihak sekolah boleh mengadakan program sempena sambutan ambang merdeka dan sambutan Maulidul Rasul. Semua kelab dan persatuan di sekolah dilibatkan dalam program tersebut. Antara aktiviti lain yang diadakan ialah kuiz kemerdekaan, sajak kemerdekaan, mini teater dan tayangan gambar pejuang tanah air. Penerapan semangat patriotisme kepada guru-guru pula ditanamkan melalui kursus, ceramah dan seminar. Penerapan nilai dan semangat patriotisme juga dilakukan pertandingan hasil karya seperti sajak, esei dan lukisan poster sejarah tanah air.

Semangat patriotisme diterapkan kepada pelajar melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti kelab, persatuan dan badan beruniform. Contohnya melalui badan beruniform pelajar di peringkat sekolah rendah lagi didedahkan pengalaman latihan ketahanan fizikal dan mental, semangat juang yang tinggi, semangat kerjasama dan mendisiplinkan diri serta patuh kepada ketua. Semangat patriotisme juga diterapkan melalui membaca dan menghayati nyanyian lagu kebangsaan dan Rukun Negara.

PERANCANGAN STRATEGIK UNIT-UNIT DALAM ORGANISASI PPD

Perancangan strategik merupakan pelan pandu arah berkesan untuk melaksanakan sesuatu tugas. Perancangan strategik adalah satu bentuk rancangan yang menyatupadukan matlamat utama, polisi, dan tindakan susulan sesebuah organisasi dan menentukan semua ini searah dan sealiran (Quinn, J.B., 1980). Untuk tujuan ini unit-unit yang strategik dalam organisasi di PPD dilibatkan membuat perancangan strategik membina negara bangsa. Tumpuan perancangan strategik ialah merancang program, projek, dan aktiviti perkongsian nilai dan semangat patriotik. Setiap unit-unit yang membuat perancangan strategik perlu mengikut kerangka yang diselaraskan. Kerangka ini mengandungi rasional, objektif, aktiviti, jadual beserta carta gantt, kumpulan sasar, mekanisme pelaksanaan (jawatankuasa, tarikh, tempat, sumber kepakaran dan kewangan), kawalan kualiti ke atas program, projek atau aktiviti, penilaian hasil yang hendak dicapai.

Unit Pengurusan Sekolah: Unit ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan agihan guru secara *heterogenius* agar sesebuah sekolah itu dapat menggambarkan wujud unsur-unsur perpaduan guru dari segi bilangan kaum, bahasa dan nilai budaya. Melalui perpaduan ini penerapan dan pengukuhan amalan intergrasi nilai dan budaya, toleransi dan kerjasama akan mudah berlaku. Unit ini juga bertanggungjawab mengadakan program-program peningkatan profesionalisme guru secara berkala kepada guru-guru dan barisan pengurusan sekolah seperti pengetua, guru besar dan guru penolong kanan. Fokus program ialah ke arah penghayatan matlamat dan hasrat membina negara bangsa melalui pendekatan perkongsian nilai dan semangat patriotisme. Antara pengisian program ialah kepimpinan melalui teladan, komunikasi berkesan di tempat kerja dan pengurusan masa berkesan. Langkah pemantapan seterusnya ialah mengadakan program mentoring kepada guru sasaran secara berkala.

Unit Pengurusan Kurikulum Bahasa: Unit ini bertanggungjawab melantik jawatankuasa kecil peringkat daerah bagi menghasilkan modul bahan pengajaran dan pembelajaran khusus untuk menerapkan dan mengukuhkan perkongsian nilai dan semangat patriotisme. Kemudian membuat peruncingan aktiviti berbentuk mikro aspek nilai dan semangat patriotisme yang dianggap kecil tetapi penting dan perlu dimasukkan ke dalam modul. Modul-modul bahan ini diedarkan ke sekolah untuk digunakan sebagai bahan tambahan pengajaran dan pembelajaran. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengubahsuai kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan memasukkan aktiviti dan unsur-unsur perkongsian

nilai dan semangat patriotisme. Contohnya nilai-nilai kerjasama, menghormati orang lain, menghargai masa, menghormati orang tua, semangat berpasukan, semangat juang, jati diri. Aktiviti-aktiviti tersebut juga dilaksanakan dalam aktiviti kokurikulum seperti pertandingan syarahan, kuiz, forum remaja, drama patriotik. Unit ini juga bertanggungjawab menghasilkan alat ukuran untuk digunakan dalam proses penyeliaan dan pemantauan program, projek, aktiviti akademik. Untuk melihat kesan aplikasi modul bahan pengajaran dan pembelajaran maka kem perdana peringkat daerah akan diadakan.

Unit Pengurusan Kurikulum Kemanusiaan: Unit ini bertanggungjawab melantik jawatankuasa kecil peringkat daerah bagi memperkasakan pengurusan panitia mata pelajaran kemanusiaan. Semua mata pelajaran dalam kurikulum kemanusiaan akan dilibatkan. Antara aktiviti jawatankuasa ini ialah mengadakan mesyuarat dan bengkel dengan memasukkan unsur perkongsian nilai dan semangat patriotisme dalam proses pengajaran guru. Contoh aktiviti ialah membukukan cerita rakyat, membuat buku skrap, membina modul dan skrip cerita pendek untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran tambahan. Modul-modul ini diedarkan ke sekolah rendah dan sekolah menengah dalam daerah. Jawatankuasa ini juga ditugaskan untuk membuat soalan-soalan peperiksaan dalaman bagi mata pelajaran kemanusiaan seperti Sejarah, Geografi, Bahasa Melayu dan Sastera Melayu, Bahasa Inggeris. Kandungan soalan yang dibina akan melibatkan unsur-unsur perkongsian nilai dan semangat patriotisme. Soalan-soalan berkenaan digunakan sebagai ujian bulanan bagi semua sekolah dalam daerah. Tugas seterusnya jawatankuasa ini ialah membuat pemantauan secara berkala pelaksanaan modul perkongsian nilai dan semangat patriotisme di peringkat sekolah.

Unit Pengurusan Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral: Satu jawatankuasa kecil ditubuhkan di peringkat daerah untuk membuat penambahbaikan perisian pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan Moral. Penambahbaikan yang dibuat ialah dengan memasukkan unsur-unsur perkongsian nilai dan semangat patriotisme. Apabila perisian telah mantap maka unit ini akan mengadakan program dan aktiviti peningkatan profesionalisme guru Pendidikan Islam dan Moral secara berkala. Antara aktiviti perkongsian nilai dan semangat patriotisme termasuklah penghayatan solat, quran dan hadis, tabung sayang di sayang, kuiz, bahas, pertandingan tulisan khat, pidato, bercerita dan khidmat masyarakat.

Unit Pengurusan Kaunseling dan Keutuhan: Unit ini bertanggungjawab membuat perancangan strategik dan melaksanakan program-program pemantapan kompetensi guru dan kakitangan sokongan. Antara aktiviti yang

dijalankan ialah mengadakan kursus Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA) yang berfokus kepada kesihatan mental, mentoring, komunikasi berkesan di tempat kerja, gangguan seksual di tempat kerja, penyungguhan sendiri, mengadakan bengkel Guru Bimbingan dan Kaunseling dan sesi gerakan memantapkan sistem pengurusan sekolah. Contoh pengisian sesi gerakan pemahaman ini ialah Pelan Integriti Nasional (PIN), anti rasuah, amalan budi bahasa, etika kerja, kesihatan mental dan perkhidmatan pelanggan, program *learning organisation*. Unit ini juga bertanggungjawab membuat perancangan dan melaksana program khidmat sosial dalam komuniti serta mengadakan perkhidmatan konsultasi. Ceramah cintakan negara disampaikan kepada pelajar sekolah menengah peringkat daerah.

Unit Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan: Unit ini diberi tanggungjawab menyelaras aktiviti-aktiviti kokurikulum, iaitu kelab, persatuan, badan beruniform dan sukan. Oleh itu jawatankuasa pelaksanaan program di peringkat daerah dan sekolah perlu dilantik. Contoh aktiviti ialah mengadakan kursus dan program kepimpinan dan ketrampilan guru-guru yang menjadi jurulatih badan beruniform di peringkat sekolah. Unit ini juga bertanggungjawab merancang dan melaksana program pembangunan sahsiah pelajar melalui badan beruniform. Badan beruniform yang terlibat ialah Kadet Polis, Kadet Remaja Sekolah, Kadet Tentera, Bulan Sabit Merah, Pengakap. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah perkhemahan intergrasi unit beruniform, pertandingan kawad, pertandingan, anugerah dan pentauliahkan pangkat. Melalui aktiviti ini dapat menyemai dan mengukuhkan modal insan pelajar berwatak, berketerampilan, perkongsian nilai dan semangat patriotisme. Contoh aktiviti seperti program Ambang Merdeka pelajar asrama juga diadakan.

Aktiviti-aktiviti kelab dan persatuan dilaksanakan melalui program kepimpinan dan ketrampilan pelajar. Contoh aktiviti ialah kem perkampungan penulisan seni sastera, program cintai alam sekitar, keselamatan lalu lintas, perkhemahan NGO pertandingan silat, kuiz, bahas, pidato, bercerita, kem jaya diri. Semua aktiviti yang dirancang mengandungi unsur perkongsian nilai dan semangat patriotik, menyemai rasa cinta warisan seni budaya dan aspek bela diri. Unit ini juga bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program pendidikan dan pencegahan dadah. Program ini bertujuan mendidik pelajar supaya bebas daripada najis dadah, sayangkan nyawa, merancang masa depan, penerapan perkongsian nilai dan semangat patriotisme. Kesan daripada program ini dapat menyemai dan memupuk cara hidup sihat tanpa dadah, tanpa ponteng sekolah. Jawatankuasa yang dilantik bagi setiap unit yang dibincangkan di atas akan menjalankan kajian impak pelaksanaan program,

projek dan aktiviti yang dijalankan. Hasil kajian impak ini akan direkod dan dilaporkan kepada Pegawai Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri.

Perancangan Strategik Peringkat Sekolah: Pengurusan di peringkat sekolah juga diarahkan menubuhkan jawatankuasa program membina negara bangsa dengan memberi fokus kepada perkongsian nilai dan semangat patriotisme. Pelaksanaan rancangan strategik ini dibuat mengikut “*school based*”. Setiap sekolah diminta menghantar laporan program yang dilaksanakan setiap akhir bulan.

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN HASIL PROGRAM

Program dan aktiviti membina negara bangsa yang dilaksanakan di peringkat daerah dan di peringkat sekolah perlu dipantau dan dinilai oleh jawatankuasa pemantau bagi setiap unit yang telah ditubuhkan di peringkat PPD. Perkara yang terlibat dalam pemantauan ini ialah dokumentasi program, unsur-unsur perkongsian nilai dan semangat patriotik yang telah dilaksanakan, sasaran program, masa dan tempat, agensi luar yang dilibatkan dan pandangan kumpulan sasaran terhadap program yang telah dijalankan. Alat ukuran yang digunakan semasa pemantauan ini berkonsepkan *Key Performance Indicator* (KPI) yang merangkumi perkongsian nilai dan semangat patriotik. Aspek-aspek yang dinilai menjurus kepada nilai individu, nilai organisasi dan nilai ideal. Hasil daripada pemantauan ini dirumuskan, direkodkan dan dilaporkan kepada Pegawai Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Terengganu.

Hasil Yang Dicapai: Pelaksanaan semua program, projek dan aktiviti membina negara bangsa akan menghasilkan beberapa kesan positif baik dalam kalangan warga organisasi di PPD mahupun dalam kalangan warga sekolah. Antaranya ialah: (i) Berlaku perubahan sikap dan budaya kerja bagi pegawai dan kakitangan sokongan di PPD. Mereka lebih berfikiran terbuka, hasil kerja berkualiti, berintegriti dan mampu berkomunikasi dengan berkesan, (ii) Melahirkan pelajar yang seimbang, berakhlak mulia dan mengamalkan perkongsian nilai, berketerampilan serta mengamalkan cara gaya hidup sihat, (iii) Pegawai dan kakitangan sokongan di PPD dan warga sekolah mengamalkan semangat kerja berpasukan, bersaing secara sihat, berdaya tahan, terus mengukuhkan jati diri dan menghormati ketua dan (iv) Mengukuhkan rasa bertanggungjawab, bersikap patriotik, berbudi, komited, adil, penyayang, sedia menyumbang bakti dan boleh menjadi pemimpin yang berkesan kepada keluarga dan masyarakat.

KESIMPULAN

Usaha mencapai wawasan membina negara bangsa amat bergantung kepada perkongsian nilai dan semangat patriotisme. Sementara untuk melancarkan usaha mencapai wawasan ini perlukan sebuah jawatankuasa pelaksana yang mantap. Kelancaran tindakan jawatankuasa pelaksana ini bergantung pula kepada kesediaan untuk mengubah sikap. Manakala perancangan strategik yang dibuat perlu dilaksanakan dengan berkesan, ada proses pemantauan serta ada dijalankan kajian impak program. Pengukuhan kepada usaha ini juga memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak termasuk warga organisasi di PPD, warga sekolah dan masyarakat amnya. Sebagai kesimpulannya kejayaan mencapai wawasan membina negara bangsa akan menghasilkan modal insan yang dibangunkan bersedia mengamalkan perkongsian nilai dan memiliki semangat patriotisme yang tinggi dalam kehidupan sehariannya. Mereka juga mampu mengamalkan cara hidup yang berkualiti dan berintegriti dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

RUJUKAN

- Alimuddin Mohd Dom (2007). *Perpaduan dan Patriotisme Dalam Membina Negara Bangsa*. Majalah Ehwat Pendidikan, Ogos 2007.
- Foo Say Fooi (2005). *Etika Perguruan: Jaminan Peningkatan Profesionalisme*. UPM, Serdang, Selangor.
- Ibrahim Mamat (1993). *Kepemimpinan Sekolah: Teori untuk Praktis*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Institut Integriti Malaysia (2007). *Pelan Integriti Nasional*. Kuala Lumpur.
- Institut Tadbiran Awam (1991). *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur.
- Jabatan Pelajaran Pahang (2006). *Koleksi Ucapan Pengarah Pelajaran Pahang*. Kuantan, Pahang.
- Jabatan Pelajaran Terengganu (2007). *Perancangan Strategik: Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006 – 2010)*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006 – 2010)*. Putrajaya.
- Mohd Fuad Razali (2008). *Enam Sikap Penting Pacu Kejayaan PIPP*. Pendidikan; Januari 2008.
- Mohd Fuad Razali (2008). *Empat Ciri Modal Insan Citra PIPP*. Pendidik; Februari 2008
- Pejabat Pelajaran Daerah Dungun (2007). *D'CAKNA: Pengurusan Strategik*.
- Pattern, T.H. (1981). *Organization Development Through Team-Building*. New York; John Wiley and Sons.
- Quinn, J.B. (1980). *Strategies for Change, Logical Incrementalism*. Irwin, ms. 7-10.

- Rusmini Ku Ahmad (2006). *Penggunaan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicators (KPI) Untuk Penambahbaikan Sekolah. Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Bil. 01, Jun 2006.
- Salleh Long (2007). *PIPP Sehingga Jun 2007*. Ehwat Pendidikan. Ogos 2007.
- Zawawi Jahya (2007). *PIPP: Agenda Perpaduan dan Pembinaan Negara Bangsa*. Ehwat Pendidikan. Julai 2007.